

Sinar Harian 29/9/2013

Pusat penyelidikan UMT di Tasik Kenyir

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah meluluskan untuk menubuhkan sebuah pusat penyelidikan di Tasik Kenyir bagi menjalankan penyelidikan ekosistem hutan dan ekotouris (air).

Ketua Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Tebu, Terengganu 2012, Profesor Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad berkata, kerajaan telah beri RM8 juta untuk para saintis melakukan penyelidikan di Terengganu.

Ekoran jumlah yang begitu besar diberikan kerajaan, sebuah pusat penyelidikan telah pun diluluskan untuk dibina di

“Daripada jumlah (RM8 juta) yang diberikan itu, kami akan menyediakan prasarana seperti makmal, asrama, dan juga alatan penyelidikan.”

Abdul Latiff

Tasik Kenyir bagi menjalankan penyelidikan di tasik terbesar di Asia Tenggara itu.

“Daripada jumlah (RM8 juta) yang diberikan itu, kami akan menyediakan prasarana seperti makmal, asrama, dan



Dr Abdul Latiff (kanan) ketika sidang media.

juga alatan penyelidikan.

“Ini kerana, kita melihat cadangan kerajaan negeri dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah)

untuk membangunkan Tasik Kenyir sangat baik dan sebagai saintis kita cuba membantu apa yang patut,” katanya kepada media sempena Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Tebu, di sini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Sains dan Teknologi, Alam Sekitar, Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mazlan Ngah; Timbalan Ketua Setiausaha Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr Che Abdul Rahim Nik dan Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk

Masran Md Salleh.

Tambah Abdul Latiff, kepakaran luar juga mungkin akan dibawa masuk sekiranya kekurangan saintis, tetapi akan mengutamakan kepakaran anak watan terlebih dahulu.

“Buat masa ini, kita akan cari ‘orang dalam’ yang bersesuaian seperti dari Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan UMT sendiri, sebelum membuat keputusan untuk mengambill pakar luar,” katanya.

Dalam waktu sama, penyelidikan juga akan dilakukan bagi keperluan ekotouris, bioteknologi, ubatan-ubatan yang menggunakan khazanah hutan, termasuk bagaimana untuk menjamin pertumbuhan ikan di tasik berkenaan.



Peserta Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Tebu, di Permai Hotel, Kuala Terengganu.